

AN EPISTEMOLOGICAL ANALYSIS OF THE NEW AGE FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC EPISTEMOLOGY: A STUDY OF THE WORK INSIDE THE NEW AGE BY RANDALL BAER

ANALISIS EPISTEMOLOGI *NEW AGE* BERDASARKAN PERSPEKTIF EPISTEMOLOGI ISLAM: KAJIAN TERHADAP KARYA *INSIDE THE NEW AGE* OLEH RANDALL BAER

Mohd Aiman Barudinⁱ & Mohamad Hasmimie Mohd Yusofⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UNIQAAS). PIS24010@siswa.uniqaas.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UNIQAAS). hasmimie@uniqaas.edu.my

Article Progress

Received: 21 January 2026

Revised: 23 February 2026

Accepted: 15 March 2026

Abstract	<p><i>This study aims to analyze the New Age Movement (NAM) from the perspective of Islamic epistemology by using Randall Baer's work Inside the New Age (1989) as the primary source of analysis. The movement represents a modern spiritual phenomenon that has expanded widely in contemporary society, particularly through discourses on self-development, non-religious spirituality, consciousness science, and holistic health. This study adopts a qualitative approach that focuses on critical textual content analysis of the internal experiences disclosed by Randall Baer as a former key leader of the movement. The focus of the study is to identify its epistemological foundations, such as concepts of sources of knowledge and authority of truth, as well as other related themes, by comparing them with the framework of Islamic epistemology grounded in tawhid, revelation (wahy), reason guided by revelation, and the hierarchy of knowledge. The findings of the study indicate that the epistemology of the New Age Movement is subjective in nature, rejecting revelation as a source of knowledge while elevating inner experience as an absolute source of truth. It also promotes notions of pantheism, monism, and self-deification when examined against evidence from classical and contemporary Islamic scholars. In addition, the movement reflects an epistemological crisis and a loss of adab as described by Al-Attas, wherein humans are positioned as the centre of truth and the absolute source of knowledge from God is denied. This worldview cannot be Islamized because its foundations fundamentally contradict the principles of Islamic creed (aqidah) and the Islamic worldview. Therefore, this study is able to refute the fundamental basis of NAM spirituality, namely subjective mystical experience, the rejection of the authority of revelation, and the construction of spirituality through speculation and religious innovation, thereby addressing the challenges of modern spirituality within the context of the Muslim community in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>New Age Movement, Epistemology, Islamization, Spirituality, Tawhid.</i></p>
-----------------	---

Abstrak	<p><i>Kajian ini adalah untuk menganalisis New Age Movement (NAM) atau Gerakan Zaman Baru daripada aspek Epistemologi Islam dengan menggunakan karya Randall Baer yang berjudul Inside the New Age (1989) sebagai sumber primer kajian. Gerakan ini adalah satu fenomena spiritual moden yang berkembang luas dalam masyarakat kontemporari terutamanya melalui wacana pembangunan diri, spiritualiti bebas agama, sains kesedaran dan kesihatan holistik. Kajian ini berpandukan kepada pendekatan kualitatif yang memberikan penumpuan kepada analisis teks kandungan secara kritikal terhadap pengalaman dalaman yang didedahkan oleh penulis Randall Baer sebagai bekas pemimpin utama Gerakan tersebut. Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti asas epistemologinya seperti konsep sumber ilmu dan autoriti kebenaran serta lain-lain tema kajian dengan membandingkan kerangka Epistemologi Islam yang berpaksikan tauhid, wahyu, akal yang dipayungi wahyu serta martabat ilmu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa epistemologi NAM bersifat subjektif yang menolak sumber wahyu sebaliknya mengangkat pengalaman batin sebagai sumber kebenaran mutlak di samping membawa fahaman panteisme, monisme dan penuhanan diri apabila dibandingkan dengan dalil-dalil daripada sarjana Islam klasik dan kontemporari. Selain itu, wujudnya krisis epistemologi dan kehilangan adab sepertimana yang diterangkan oleh Al-Attas yang meletakkan manusia sebagai pusat kebenaran dan penafian sumber ilmu yang mutlak daripada Tuhan. Fahaman ini juga tidak boleh diislamisasikan kerana asasnya telah bercanggah dengan prinsip akidah dan pandangan alam Islam. Oleh itu, kajian ini dapat menolak asas utama spiritualisme NAM iaitu pengalaman mistik subjektif, penolakan autoriti wahyu dan pembinaan spiritualiti melalui spekulasi serta inovasi agama, justeru dapat menangani cabaran spiritualiti moden dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia.</i></p> <p>Kata kunci: <i>New Age Movement, Epistemologi, Islamisasi, Spiritualiti, Tauhid.</i></p>
----------------	---

PENDAHULUAN

Dalam era moden yang semakin sarat dengan pelbagai ideologi dan agama baharu, manusia cenderung untuk mencari makna dalam kehidupan mereka di luar daripada batasan agama tradisional dalam zaman arus perdana hari ini. Sarjana kajian agama kontemporari seperti Wouter J. Hanegraaff dan ahli sosiologi agama di Barat seperti Paul Heelas telah menunjukkan bahawa masyarakat zaman moden sering menolak autoriti agama institusi dan menggantikannya dengan pencarian spiritual yang subjektif dan individualistik (Ankerberg & Weldon, 1996; Hanegraaff, 1996; Heelas, 1996).

Peralihan ini memicu kepada munculnya pelbagai bentuk spiritualiti alternatif, antaranya ialah neopaganisme, esoterisme Barat, technopaganisme dan sinkretisme Timur-Barat dalam bidang psikologi dan spiritualiti moden. Dalam hal ini, pelbagai bentuk spiritualiti alternatif ini berkembang sebagai tindak balas kepada kehilangan makna yang dirasai dalam masyarakat sekular yang seterusnya melahirkan aliran kepercayaan baharu yang tidak terikat dengan doktrin aliran agama tradisional atau arus perdana.

Sebagaimana berlaku dalam peralihan ini, Gerakan *New Age* (NAM) muncul sebagai manifestasi spiritualiti moden yang semakin mendapat tempat kepada masyarakat moden hari ini. Kebangkitan spiritualiti NAM yang bermula di Barat telah dikenalpasti berpunca daripada timbulnya krisis tradisi agama Kristian arus perdana yang akhirnya memberikan peluang kepada gerakan ini dijadikan sebagai alternatif makna hidup dan keagamaan yang baharu (Herrick, 2004).

Menurut buku dan dokumentari *Gods of the New Age*, NAM berasaskan kepada epistemologi yang bersifat subjektif dan bersifat mistik. Ia menolak wahyu dan agama institusi, mengangkat manusia dan alam sebagai manifestasi ketuhanan, dan merupakan

kesinambungan ajaran mistisisme dan okultisme lama yang dibungkus dalam bentuk spiritual moden (Matrisciana, 1985; 1988).

Dalam konteks ini, NAM muncul sebagai salah satu aliran spiritual paling berpengaruh pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 dengan menyarankan konsep “kesedaran diri”, “keharmonian kosmik”, dan “tenaga semesta” sebagai cara untuk mencapai kebahagiaan, serta apa yang dikenali sebagai “pencerahan rohani” (Kurdi, 2013; 2014).

Karya penting, *Inside the New Age* (Baer, 1989), berdasarkan pengalaman sebenar seorang bekas pemimpin utama gerakan ini, membongkar keadaan dalaman gerakan tersebut. Baer menulis daripada sudut pandang seorang individu yang telah bekerja sebagai pengamal, penceramah dan penyebarkan fahaman NAM di peringkat antarabangsa sebelum akhirnya menyedari perbezaan ideologi dan kesan teologi yang mendasari gerakan itu.

Tujuan kajian ini adalah meneliti falsafah dan ajaran NAM menurut Baer, dan menganalisisnya melalui lensa epistemologi Islam. Kajian ini melihat bagaimana konsep tauhid, wahyu dan sumber ilmu Islam bercanggah secara asas dengan fahaman seperti pantheisme, self-divinization, *law of attraction* (LOA) dan spiritisme, yang menjadi asas pemikiran NAM.

Menurut Hanegraaff (1996), NAM bukanlah sebuah agama yang teratur. Sebaliknya, ia adalah gabungan pelbagai amalan dan pemikiran dari Timur dan Barat. Contohnya termasuk falsafah Hindu, Buddhisme, Gnostisisme, okultisme, psikologi humanistik, dan sains kesedaran (*consciousness science*). Aliran ini muncul dengan cepat di Amerika Syarikat pada tahun 1970-an dan 1980-an.

Ia berlaku sebagai tindak balas kepada kekecewaan terhadap institusi agama formal dan pencarian makna baharu dalam kehidupan pascamoden (Ankerberg & Weldon, 1996; Heelas, 1996). Sebelum meninggalkan aliran tersebut, pengarang buku ini, Randall Baer menjadi pengamal dan penceramah NAM, yang menjadikan karyanya penting. Pengakuan ini mengukuhkan idea bahawa NAM bukan sahaja satu jenis spiritualiti alternatif tetapi juga satu ideologi global yang mempunyai kesan besar terhadap pelbagai kepercayaan agama, termasuk mengancam akidah umat Islam (Ahmad Iqram Mohamad Noor, 2023).

Fahaman NAM semakin meresap dalam masyarakat Muslim moden melalui media, filem, permainan digital, program motivasi dan budaya “spiritual tanpa agama”. Unsur-unsur seperti “*law of attraction*”, “energi alam”, “frekuensi kesedaran”, dan “manifestasi realiti” sering dipopularkan dalam bentuk yang kelihatan sama ada neutral atau positif (Ahmad Iqram Mohamad Noor, 2022; Daherman & Taufiq, 2025).

Walau bagaimanapun, mereka sebenarnya membawa ideologi rohani sekular yang memusatkan manusia sebagai sumber kebenaran dan menyingkirkan peranan Tuhan dan wahyu (Al-Attas, 2022; Mohammad Razif Mohamad Fuad, 2025). Oleh itu, adalah penting untuk menilai kandungan ajaran, naratif ideologi dan konsep epistemologi di dalam NAM untuk memahami cara pemikiran ini muncul, tersebar dan mungkin memberikan kesan kepada kefahaman umat Islam tentang epistemologi ilmu Islam yang benar dan berasaskan tauhid (Abdulfatah Haron Ibrahim, 2010; Al-Attas, 2023b).

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun Islam menyediakan asas yang kukuh untuk akidah dan epistemologi melalui panduan wahyu, masyarakat Muslim hari ini menghadapi cabaran besar kerana kemunculan gerakan spiritual moden yang semakin mencabar dan rumit yang memerlukan penelitian mendalam oleh para sarjana Islam. Sarjana Islam telah mengingatkan bahawa kekeliruan tentang sumber dan autoriti ilmu adalah punca krisis umat manusia moden, bukannya kekurangan maklumat lantaran maklumat hanya di hujung jari dalam era globalisasi.

NAM, sebuah falsafah spiritual global, menggambarkan identitinya sebagai satu gerakan perjuangan untuk kedamaian dalaman, pembangunan potensi manusia dan penyembuhan diri (Hanegraaff, 1996; Heelas, 1996). NAM mempromosikan konsep seperti “tenaga universal” (*universal energy*), idea bahawa manusia adalah sebahagian daripada

“percikan ketuhanan” (*divine spark*), dan idea bahawa kebenaran tertinggi boleh dicapai melalui intuisi dan pengalaman batin tanpa perantaraan agama atau wahyu.

Antara pengkaji terawal di Malaysia yang secara kritikal mengangkat isu kemunculan spiritualiti moden di Barat yang kemudiannya dikenalpasti sebagai NAM ialah Almarhum Prof Ulung Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan pada awal tahun 80-an. Beliau telah mengemukakan fenomena masyarakat Barat pada masa itu terhadap unsur “spiritualiti tanpa agama” yang semakin berkembang pesat (Kamal Hassan, 1983).

Walau bagaimanapun, istilah NAM masih belum diguna pakai secara formal dan meluas dalam wacana tempatan di Malaysia pada masa itu sungguhpun kesedaran awal terhadap ancaman epistemologi dan akidah itu telah lebih awal dikesan dan dikritik hebat oleh sarjana apologetik agama Kristian.

Di Malaysia, buku motivasi, modul pembangunan diri, program kesejahteraan, latihan minda, kursus meditasi dan kandungan digital semakin meningkat menyumbang kepada penyerapan konsep ini ke dalam pemikiran masyarakat (Ahmad Iqram Mohamad Noor, 2023). Antara contoh buku spiritual popular seperti *A new Earth* oleh Eckhart Tolle (Tolle, 2005), *The Secret* oleh Rhonda Byrne (Byrne, 2006) dan *Grow Rich! With Peace of Mind* oleh Napoleon Hill (Hill, 1967) yang mempunyai unsur doktrin NAM.

Fenomena ini turut diperkuatkan dengan populariti buku yang bertemakan unsur seperti “magnet rezeki” seperti *Rahasia Magnet Rezeki* oleh Nasrullah (Nasrullah, 2016). Buku-buku ini mudah diperolehi di kedai-kedai buku utama dan platform dalam talian di Malaysia sebagai bahan pembacaan motivasi dan pembangunan diri. Walau bagaimanapun, terdapat penulisan kritikal telah mempersoalkan kandungan buku *Rahasia Magnet Rezeki* kerana didakwa menggunakan pendekatan *pseudoscience* serta tafsiran yang salah terhadap konsep doa dan hadith dalam Islam.

Salah satu daripada tafsiran ini ialah bahawa “setiap fikiran adalah doa”, yang dianggap sebagai salah faham tentang maksud sebenar hadith mengenai sangkaan terhadap Allah (Nain, 2021). Selain itu, fenomena kebangkitan spiritualiti moden di Malaysia juga dapat dilihat melalui kemunculan program motivasi, kursus pembangunan diri dan buku *self-help* yang mempopularkan idea seperti kuasa minda, hukum daya tarik, tenaga batin, frekuensi kesedaran dan potensi rohani individu.

Seminar motivasi, kursus latihan psikospiritual, dan program metafizik yang menekankan transformasi diri melalui kesedaran dalaman adalah kaedah biasa di mana konsep ini diperkenalkan. Dalam beberapa keadaan, terdapat juga program yang menawarkan amalan seperti penyembuhan tenaga, persemboran metafizik, dan perjalanan roh atau pengalaman luar tubuh.

Fenomena ini menunjukkan kemunculan jenis spiritualiti alternatif yang menggabungkan elemen daripada psikologi popular, metafizik Timur, dan spiritualisme moden. Keadaan elemen NAM di Malaysia menjadi semakin membimbangkan apabila berlakunya kontroversi agama seperti insiden *Queen’s Night Ladies Retreat* yang disahkan wujudnya adegan berbogel dan elemen yang melanggar sensitiviti agama dalam segmen aktiviti “*Rebirth*” dalam program motivasi rumah tangga eHati yang dianjurkan di Shah Alam, Selangor (Warta Oriental, 2025).

Apabila ajaran NAM dipaparkan bersama nilai-nilai yang kelihatan suci seperti cinta sejagat, keseimbangan alam, tenaga positif, dan ketenangan jiwa, timbul isu epistemologi yang mendasar, iaitu penggunaan pengalaman subjektif dan intuisi individu sebagai sumber ilmu, tanpa sandaran kepada wahyu atau kerangka pandangan alam yang jelas, sekali gus berpotensi menimbulkan kekeliruan antara nilai moral, spiritualiti, dan akidah.

Pada hakikatnya, nilai-nilai yang kelihatan tidak berbahaya itu dibina atas falsafah yang menolak konsep ketuhanan menurut akidah Islam, terutamanya prinsip tauhid (Al-Attas, 2022). Karya Randall Baer dirujuk dalam kajian ini sebagai penulis yang ada pengalaman langsung dan analisis yang kritis terhadap NAM serta melalui kerangkanya sebagai lensa konseptual untuk memahami fenomena spritualiti moden dalam bahan-bahan bacaan yang jelas wujud pengaruh doktrin itu di Malaysia.

Dalam bukunya *Inside the New Age*, Randall Baer menunjukkan bahawa ideologi panteisme, monisme, dan spiritualisme moden adalah asas gerakan ini. Ideologi-ideologi ini menekankan kesatuan Tuhan dan alam, reinkarnasi, karma, komunikasi dengan roh, pendewaan tenaga kosmik, dan penolakan kedudukan kenabian dan wahyu (Baer, 1989). Penemuan Baer menunjukkan bahawa doktrin NAM bukan sahaja menyebabkan salah faham kerohanian, tetapi ia juga meletakkan epistemologi dan akidah manusia dalam bahaya.

Tambahan lagi, kajian literatur tempatan menunjukkan bahawa gerakan ini telah bertapak secara halus di Malaysia sejak penghujung abad ke-20 melalui wacana pembangunan diri, kursus motivasi dan program pemerkesaan mental yang diadaptasi daripada psikospiritual Barat (Engku Alwi, 2015; Khairuddin, 2025). Laporan dan penilaian daripada pihak berkuasa agama, seperti Jabatan Mufti Negeri Selangor (2024) dan Jabatan Mufti Negeri Pahang (2025a; 2025b), menunjukkan bahawa banyak modul motivasi di Malaysia menggunakan idea seperti “tenaga dalam”, “hukum getaran”, “fikiran mencipta realiti” dan “alam semesta sebagai sumber rezeki.”

Idea tersebut adalah konsep sinkretisme yang menggabungkan elemen Hindu, Taoisme, *Theosophy*, dan spiritualisme Barat (Al-‘Ubayd, 2022; Al-Rashīd, 2014). Menurut beberapa kajian kontemporari, NAM telah meresap ke dalam modul pembangunan diri secara tidak sedar. Akibatnya, masyarakat awam berhadapan dengan kekeliruan dalam membezakan konsep *tazkiyah al-nafs* dalam tasawuf Islam yang bersumberkan wahyu dan syariah dengan teknik meditasi, visualisasi dan psikospiritual moden yang mempunyai akar falsafah yang datang daripada kerangka epistemologi asing (Mohamad Yatim et al., 2025; Junedi & Salleh, 2024).

Selain itu, mereka yang terpengaruh dengan fahaman NAM di kalangan muslim cuba untuk menjustifikasikan ayat-ayat al-Quran tertentu sebagai memberikan sokongan kepada teori tenaga kosmik atau kuasa minda, maka masalah epistemologi ini menjadi semakin rumit. Ini berlaku kerana teori ini berasal daripada falsafah Advaita Vedanta dan ajaran panteistik Timur (Al-Ghazālī, 2010a; Abdulfatah Haron Ibrahim, 2018).

Selain itu, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019a; 2019b; 2020), melalui *Bayan Linnas*, menegur penganjuran seminar motivasi *Metamorphosis* yang mencampur adukkan prinsip Islam dengan amalan seperti *transcendental meditation* (TM), pemulihan chakra, manifestasi metafizik dan tenaga kristal. Ini jelas bercanggah dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) (Khairuddin, 2022). Menurut Mohamad Razif Mohamad Fuad (2025), penggunaan alibi Islamik yang disandarkan kepada amalan yang berunsur NAM untuk mempromosikan doktrin NAM ini menimbulkan krisis kefahaman masyarakat awam dan membuka ruang kepada penyimpangan akidah yang meluas.

Selain itu, kemajuan dalam teknologi digital dan media sosial telah mempercepatkan penyebaran idea ini. Konsep seperti “energi syukur”, “getaran rezeki”, “manifestasi alam”, “perasaan adalah doa”, dan idea bahawa manusia mempunyai keupayaan untuk mencipta takdir sendiri melalui kuasa minda telah menjadi popular di platform seperti TikTok, Instagram dan YouTube.

Ini secara jelas bertentangan dengan konsep qada’ dan qadar dalam Islam serta ajaran tauhid (Kurdi, 2013; 2014; Ahmad Iqram Mohamad Noor, 2022). Terdapat peningkatan dalam amalan dan minat terhadap NAM, menurut laporan media arus perdana seperti Sinar Harian yang bertajuk NAM, ancam akidah dan psikospiritual pada 25 Julai 2025 yang mengisahkan berlakunya dalam kalangan generasi muda yang mencari ketenangan jiwa di luar kerangka agama konvensional seperti Islam dan agama-agama lain di Malaysia (Mohd Nor, 2025).

Akidah umat Islam dipengaruhi secara ketara oleh semua elemen ini, terutamanya apabila konsep ketuhanan ditafsirkan semula sebagai tenaga, kewujudan dianggap sebagai kesatuan dengan Tuhan, dan manusia dipercayai mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan sendiri tanpa bergantung kepada Allah. Kepercayaan seperti ini bukan sahaja bertentangan dengan idea wahdaniyyah Allah, tetapi ia juga melemahkan kepercayaan umat terhadap wahyu (Al-Attas, 2022; Wan Mohd Nor Wan Daud, 2019).

Akibatnya, terdapat krisis ilmu dan kebenaran berlaku. Wahyu diambil alih oleh intuisi, kenabian diambil alih oleh guru rohani kontemporer, ibadah diambil alih oleh meditasi, dan doa diambil alih oleh manifestasi tenaga (Nasr, 1989). Oleh itu, kajian ilmiah terhadap gerakan ini amat diperlukan, terutamanya melalui analisis Randall Baer dalam *Inside the New Age* dan menilai bahaya epistemologinya dengan menggunakan kerangka penilaian epistemologi Islam.

Hal ini penting kerana tanpa kerangka epistemologi Islam, kritikan terhadap NAM akan menjadi terhad kepada aspek amalan luaran semata-mata dan sudah pasti gagal untuk mengenal pasti akar permasalahannya iaitu kekeliruan yang nyata terhadap sumber kebenaran dan autoriti ilmu. Penelitian ini adalah penting untuk menjelaskan jenis ajaran NAM, menilai bagaimana doktrin itu diserap dalam masyarakat, dan menyediakan asas epistemologi Islam yang boleh digunakan untuk menilai dan menghalang perselisihan akidah yang semakin meningkat dalam persekitaran spiritual kontemporer (Abdulfatah Haron Ibrahim, 2010; Al-Attas, 2023b).

Oleh itu, isu utama yang ingin ditangani dalam kajian ini bukan sekadar kesalahan dalam amalan agama, sebaliknya ia ialah krisis epistemologi yang disebabkan oleh penolakan wahyu dan kekeliruan tentang sumber dan autoriti ilmu dalam NAM.

METODOLOGI KAJIAN

Penelitian ini dilakukan berdasarkan karya Randall Baer, *Inside the New Age*, dan dari sudut pandangan epistemologi Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana matlamatnya ialah menganalisis makna, konsep, wacana agama, dan implikasi akidah yang terkandung dalam teks (Bowen, 2009; Scott, 1990; Creswell & Creswell, 2017). Kajian berasaskan analisis teks dan kepustakaan membolehkan penilaian kritikal melalui rujukan sarjana Islam klasik dan kontemporer.

Ini selaras dengan tradisi metodologi penyelidikan Islam yang menekankan analisis sumber bertulis, kerangka normatif Islam, dan penilaian berasaskan wahyu (Ismail & Ali, 2018; Long, 2015). Kajian ke atas karya *Inside the New Age* ini dipilih sebagai sumber primer kajian kerana karya ini adalah dalam bentuk autobiografi. Autobiografi ialah jenis sumber primer yang mempunyai tahap keaslian (*authenticity*) dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana ia ditulis secara langsung oleh orang yang mengalami peristiwa, pengalaman rohani dan perkembangan intelektual yang menjadi subjek kajian (Shaary & Abdul Hamid, 2021).

Autobiografi memberikan akses terus kepada perspektif “orang dalam” iaitu suara individu yang terlibat secara aktif dan mendalam dalam gerakan atau pengalaman spiritual. Ini membezakan kajian sekunder, yang menilai fenomena melalui lensa akademik dan pemerhatian luar. Kajian ini berpaksikan paradigma interpretivisme bagi memahami kerangka pemikiran NAM melalui analisis teks dan wacana utamanya (Creswell & Poth, 2018).

Dari sudut ontologi, kajian ini melihat realiti spiritual NAM yang bersifat relatif dan subjektif bertembung dengan prinsip Islam mengenai pemisahan hakiki antara Pencipta dan makhluk. Epistemologi kajian pula berasaskan penilaian kritis terhadap sumber kebenaran NAM melalui kerangka Islam yang meletakkan wahyu sebagai autoriti tertinggi, manakala akal berfungsi sebagai alat untuk menaakul dan memahami wahyu (Al-Attas, 2022).

Dari sudut aksiologi, kajian ini tidak bersifat neutral nilai, sebaliknya didukung oleh tanggungjawab ilmiah berteraskan prinsip tauhid dan *maqāsid al-sharī‘ah* bagi mengekalkan penilaian yang konsisten dengan metodologi pengajian Islam (Al-Shātībī, 1997). Sebagai hasil daripada paradigma yang dijelaskan, pendekatan interpretivis digunakan untuk memahami NAM “dari dalam” melalui teks dan bahasa gerakannya.

Walau bagaimanapun, penilaian akhirnya tertumpu kepada disiplin ilmu Islam, tauhid, dan wahyu. Oleh itu, kajian tidak terjebak kepada relativisme kebenaran kerana ia mengekalkan pemahaman kontekstual. Metodologi ini selaras dengan metodologi pengajian Islam, yang menolak idea bahawa nilai mutlak tidak boleh digunakan dalam

penyelidikan agama dan menekankan bahawa paradigma Islam memainkan peranan penting dalam menentukan kesahan ilmu dan kefahaman agama (Long, 2015).

Data dikumpul melalui penyelidikan literatur dan dokumen. Untuk membina rumusan kritikal yang berasaskan perspektif pandangan alam Islam, kaedah utamanya ialah pembacaan terhadap karya teks Baer. Selepas itu, setiap tema dipilih berdasarkan epistemologi dan akidah, rujukan silang kepada sumber Islam yang berkaitan, dan sintesis keputusan primer dan sekunder (Ismail & Ali, 2018; Long, 2015).

Analisis data dilakukan melalui tiga tahap berurutan iaitu deskriptif yang menghuraikan kandungan teks secara tepat dan terperinci. Yang kedua ialah tematik iaitu mengenal pasti pola pemikiran utama (ketuhanan, sumber kebenaran, pengalaman mistik, kesedaran diri) dan yang ketiga ialah kritikan epistemologi yang menilai tema menggunakan kerangka wahyu, akal dan pancaindera bagi menentukan kesahihan sumber ilmu NAM dan percanggahannya dengan tauhid dan hierarki sumber ilmu Islam.

DAPATAN KAJIAN

Inside the New Age ialah sumber penting yang sangat berharga kerana ia memberikan testimoni “dari dalam” atau *insider* berkenaan NAM melalui pengalaman langsung Randall Baer sebagai bekas tokoh rangkaian guru spiritual, penganjur bengkel kesedaran, dan penasihat metafizik (Baer, 1989). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan Baer bukan sekadar naratif peribadi, ia secara tidak langsung menunjukkan struktur epistemologi NAM yang berfungsi untuk membentuk kepercayaan, menentukan autoriti kebenaran, dan mengabsahkan ilmu melalui pengalaman subjektif.

Epistemologi membentuk sistem kepercayaan dan amalan sesebuah peradaban. NAM meletakkan kesedaran diri (*higher consciousness*), intuisi batin, dan pengalaman spiritual subjektif sebagai sumber utama kebenaran. Ini membawa kepada pemindahan autoriti epistemologi daripada wahyu kepada manusia (Baer, 1989). Kritikan terhadap pendekatan spiritualisme subjektif ini dapat dilihat dalam karya Ibn Taymiyyah.

Dalam *al-Safadiyyah*, Ibn Taymiyyah (2005) menolak dakwaan bahawa mukjizat para nabi hanyalah fenomena psikologi atau manifestasi “kuasa batin” yang boleh dicapai melalui latihan rohani. Ibn Taymiyyah mengaitkan pandangan tersebut dengan tradisi ahli falsafah serta kelompok Bātiniyyah yang menafsirkan kenabian secara simbolik semata-mata.

Menurut beliau, pendekatan sedemikian mereduksi wahyu dan kenabian kepada pengalaman kesedaran dalaman manusia, sekali gus menafikan dimensi wahyu sebagai sumber pengetahuan yang objektif (Ibn Taymiyyah, 2005). Hujah ini amat relevan dalam mengkritik epistemologi NAM yang sering mentafsir mukjizat, kenabian dan wahyu sebagai manifestasi “*higher consciousness*” atau kesedaran rohani yang boleh dicapai oleh manusia biasa.

Dua perspektif yang bertentangan tentang dunia muncul daripada perbezaan asas ini. NAM adalah bersifat antroposentrik dan panteistik, yang meletakkan manusia dan kesedarannya sebagai asas makna dan kebenaran, di samping melihat aspek ketuhanan sebagai satu tenaga kosmik yang meresap ke dalam alam semesta. Randall Baer menjelaskan bahawa asas NAM ialah kepercayaan bahawa manusia boleh mencapai kebenaran mutlak tanpa bergantung kepada wahyu melalui self-realization dan pengalaman batin. Beliau menulis:

“By becoming absolutely convinced that the New Age was the true path of enlightenment, love, and peace, I delved deeply into this movement...” (Baer, 1989).

Dalam hal ini, Ibn Taymiyyah (2005) juga menolak kekeliruan metafizik yang mencampuradukkan antara kewujudan mental dan kewujudan objektif di luar minda. Beliau menegaskan bahawa konsep entiti azali yang bersifat “mungkin wujud dan mungkin tidak wujud” adalah tidak rasional, kerana ia menyalahi prinsip ontologi yang membezakan antara *al-wājib al-wujūd* dan *al-mumkin al-wujūd* (Ibn Taymiyyah, 2005).

Kritikan ini secara tidak langsung menolak asas metafizik pantheisme dan spiritualisme moden yang mengaburkan perbezaan ontologis antara Tuhan, alam dan

kesedaran manusia. Dalam karya *Dar' Ta'arud al-'Aql wa al-Naql*, Ibn Taymiyyah (1991) turut menegaskan bahawa dakwaan konflik antara akal dan wahyu sebenarnya berpunca daripada kesalahan metodologi.

Menurutnya, akal sendiri memperoleh legitimasi epistemiknya melalui pengiktirafan terhadap kerasulan; oleh itu menjadikan intuisi atau spekulasi rasional sebagai hakim tertinggi terhadap wahyu merupakan suatu percanggahan epistemologi yang membatalkan dirinya sendiri (Ibn Taymiyyah, 1991). Kelemahan metodologi inilah yang juga menjadi asas kepada banyak bentuk spiritualisme sinkretik dalam falsafah NAM.

Sebagai mekanisme epistemologi, “pencerahan diri” bukan sekadar pengalaman rohani, seperti yang ditunjukkan oleh petikan di atas. Dalam konteks ini, mereka percaya bahawa kesedaran manusia mempunyai akses langsung kepada hakikat Ilahi. Pandangan ini selari dengan epistemologi gnostik dan panteistik yang menolak konsep Tuhan yang transenden dan menukarkannya kepada idea ketuhanan yang menyerap dan menyatu dengan alam semesta dan kesedaran manusia.

Menurut NAM, sumber utama kebenaran bukanlah yang datang daripada wahyu, sebaliknya adalah pengalaman subjektif, emosi dan kesedaran dalaman individu. Kebenaran kini ditentukan oleh “apa yang dirasai benar” oleh individu, bukannya wahyu, rasionaliti objektif atau autoriti agama. Oleh itu, pengalaman mistik, keadaan sedar yang diubah, meditasi, dan visualisasi dianggap sebagai cara untuk mencapai makrifah dan pencerahan spiritual (Tolle, 2005). Menurut epistemologi ini, kebenaran peribadi berkembang mengikut pengalaman individu dan bukannya kebenaran mutlak.

Dalam tradisi epistemologi Islam, pendekatan NAM seumpama ini boleh dikritik oleh pandangan ulama kalam silam seperti Fakhr al-Dīn al-Rāzī dalam *al-Matālib al-‘Āliyyah*. Al-Rāzī (1987) menjelaskan bahawa ilmu ketuhanan merupakan ilmu yang berkaitan dengan zat dan sifat Allah yang bersifat transenden. Walaupun akal manusia mampu sampai kepada pengiktirafan tentang kewujudan Tuhan serta kebergantungan alam kepada-Nya, akal tidak mampu memahami hakikat zat Ilahi secara mutlak.

Oleh itu, dakwaan bahawa manusia boleh menyatu dengan Tuhan atau mengalami ketuhanan secara langsung melalui “tenaga kosmik” adalah bercanggah dengan prinsip ketuhanan dalam Islam yang menegaskan perbezaan ontologis yang jelas antara Khāliq dan makhluk (Al-Rāzī, 1987). Prinsip ini secara langsung menolak doktrin pantheisme dan monisme spiritual yang sering muncul dalam wacana spiritualisme moden termasuklah NAM ini.

Tradisi teologi Islam klasik juga menegaskan bahawa kebenaran metafizik tidak boleh dibina atas spekulasi falsafah atau pengalaman mistik yang bebas daripada wahyu. Al-Bāqillānī (1987) dalam *Al-Tamhīd fī al-Radd ‘alā al-Mulhidah wa al-Mu‘attilah*, membangunkan hujah rasional dan teologis bagi menolak pandangan golongan yang cuba mentafsirkan realiti ketuhanan melalui spekulasi falsafah atau penafian sifat-sifat Tuhan.

Beliau menegaskan bahawa akal yang sihat sebenarnya menyokong kebenaran wahyu, tetapi tidak boleh menggantikan wahyu sebagai sumber utama pengetahuan metafizik (Al-Bāqillānī, 1987). Prinsip yang sama turut ditegaskan oleh al-Juwaynī dalam *Al-Irshād ilā Qawāti‘ al-Adillah fī Usūl al-‘Itiqād*, di mana beliau menegaskan bahawa pengetahuan tentang akidah mesti berasaskan dalil yang pasti daripada wahyu serta disokong oleh pertimbangan akal yang sahih, bukan melalui pengalaman rohani atau spekulasi metafizik yang tidak mempunyai asas wahyu (Al-Juwaynī, 1950).

Dalam kerangka kalam kontemporari, al-Būṭī (1997) dalam *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah* menegaskan bahawa keyakinan terhadap kewujudan Tuhan dapat dibuktikan melalui analisis rasional terhadap kosmos, fitrah manusia dan prinsip sebab-akibat. Analisis ini menunjukkan bahawa alam tidak mungkin wujud secara kebetulan tanpa pencipta yang bersifat *wājib al-wujūd*. Oleh itu, dakwaan spiritualisme NAM tentang kewujudan “tenaga kosmik universal” yang wujud secara autonomi bertentangan dengan prinsip tauhid yang membezakan secara jelas antara Tuhan sebagai Pencipta dan alam sebagai makhluk.

Beliau juga menegaskan bahawa pengalaman spiritual individu tidak boleh dijadikan sumber kebenaran metafizik yang mutlak kerana pengalaman tersebut bersifat

subjektif serta mudah dipengaruhi oleh faktor psikologi dan emosi. Baer juga menunjukkan bahawa epistemologi NAM dibina melalui pencapaian *state of consciousness* yang diubahsuai melalui meditasi, yoga, muzik, visualisasi, dan penggunaan tenaga seperti kristal.

Sebagai sebahagian daripada latihan kesedaran rohani, beliau menggambarkan pengalaman imaginasi metafizik dan penglihatan yang berkaitan dengan penyembuhan tenaga dan teknologi kristal (Baer, 1989). Pengalaman ini dilihat dalam konteks NAM sebagai tanda bahawa seseorang mempunyai akses kepada realiti spiritual yang lebih tinggi. Dalam persoalan NAM ini, kritikan terhadap metafizik spekulatif juga dapat ditemukan dalam karya al-Ghazālī melalui *Tahāfut al-Falāsifah*.

Dalam karya tersebut, Al-Ghazālī (2015) menunjukkan bahawa banyak dakwaan metafizik para ahli falsafah tidak mencapai tahap demonstrasi rasional yang pasti, bahkan sarat dengan kerancuan logik. Bagi al-Ghazālī, dakwaan metafizik yang tidak berasaskan bukti *burhān* yang kukuh tidak boleh dijadikan asas pengetahuan yang sah (Al-Ghazālī, 2015).

Pendekatan kritikal ini menyediakan kerangka analisis penting untuk menilai dakwaan spiritualisme kontemporari yang sering menggunakan istilah pseudo-saintifik seperti "*universal energy*", "*law of vibration*", atau "*divine self*" tanpa asas epistemik yang jelas. Sarjana Barat sendiri mengakui bahawa *altered states of consciousness* berfungsi sebagai kaedah epistemologi pada NAM. Menurut Groothuis (1986), kedua-dua keadaan *trance* dan ekstasi dianggap sebagai jalan kepada pengetahuan ghaib.

Marrs (1987) menunjukkan bahawa teknik pembangunan minda bertujuan untuk menggantikan agama wahyu dan rasionaliti sebagai sumber kebenaran, manakala Chandler (1988) menyatakan bahawa yoga dan meditasi digunakan sebagai kaedah untuk meningkatkan kesedaran. Semua kaedah ini menegaskan bahawa perubahan kesedaran adalah lebih bermoral daripada disiplin akal atau wahyu.

Selain itu, ajaran NAM menyatakan bahawa manusia sedang melalui satu *Renaissance Consciousness*, transformasi global yang bermula dari dalam diri manusia sendiri dan bukannya daripada bimbingan wahyu atau tradisi agama (Baer, 1989). Dalam kerangka ini, kebenaran tidak datang daripada Tuhan, sebaliknya ia muncul apabila kesedaran manusia berkembang. Keadaan ini membawa kepada relativisme kebenaran, yang menolak idea dosa, penghakiman Ilahi dan kepercayaan mutlak kepada Allah.

Dalam NAM, epistemologi kesedaran yang lebih tinggi dan keadaan kesedaran yang diubah suai dianggap sebagai sumber makrifah yang paling tinggi. Pengalaman kesedaran dalaman boleh dicapai melalui teknik psikospiritual, *trance* dan meditasi, tanpa bergantung kepada wahyu atau syariat. Sebaliknya, penegasan terhadap batas epistemologi pengalaman rohani turut dibincangkan oleh Ibn al-Qayyim.

Dalam *Miftāh Dār al-Sa'ādah*, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2003) menegaskan bahawa ilmu yang benar mesti berakar pada wahyu dan dalil yang sah, bukan pada intuisi atau pengalaman rohani yang tidak dikawal oleh syariat. Menurut beliau, kebahagiaan manusia dan kebenaran ilmu hanya dapat dicapai melalui petunjuk wahyu serta pemahaman yang benar terhadapnya, manakala pengetahuan yang bersandar kepada spekulasi atau ilham yang tidak terikat dengan wahyu sering membawa kepada kesesatan intelektual (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 2003).

Selain itu, penolakan sistematik terhadap wahyu dan autoriti agama sebagai sumber kebenaran adalah salah satu penemuan paling ketara dalam karya *Inside the New Age*. Menurut Baer (1989), asas falsafah NAM adalah kepercayaan bahawa "ilmu ketuhanan" boleh dicapai secara langsung melalui pengalaman batin seperti *channeling*, meditasi, yoga, dan peluasan kesedaran (*consciousness expanded*). Baer menggambarkan kaedah penipuan ini sebagai satu jenis *seduction* rohani yang sangat halus: "*When the eternal truth of the Lord seems to a New Ager to be utterly false, and the falseness of the New Age seems to be absolutely true, therein lies an intricate portrait of seduction*" (Baer, 1989).

Berdasarkan kepada petikan dalam karya Baer yang dinyatakan di atas ini, hujah epistemologi Islam dapat digunakan sepertimana yang dinyatakan dalam karya yang

berjudul *Ighāthat al-Lahfān min Masāyid al-Shaytān*, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1975) menjelaskan bahawa banyak pengalaman rohani yang dianggap sebagai pencerahan sebenarnya boleh menjadi perangkap syaitan.

Syaitan, menurut beliau, sering menipu manusia dengan memberikan pengalaman spiritual yang kelihatan luar biasa sehingga seseorang menyangka dirinya telah mencapai tahap pengetahuan metafizik yang tinggi, sedangkan pengalaman tersebut tidak bersumber daripada wahyu atau ilmu yang sahih (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1975). Analisis dalam karya *Talbis Iblis* oleh Ibn al-Jawzi mengukuhkan hujah ini kerana ia menunjukkan bahawa syaitan memperdaya manusia melalui ilusi rohani dan intelektual, terutamanya apabila seseorang menganggap mendapatkan "ilham" atau "kasyf" tanpa bukti ilmu dan wahyu yang sahih.

Menurut Ibn al-Jawzi (2012), pengalaman batin sering diubah suai supaya ia kelihatan seperti benar. Sebaliknya, ia adalah penipuan syaitan. Analisis ini sangat relevan dalam menilai fenomena spiritualisme kontemporari seperti NAM yang menyanjung pengalaman seperti *channeling*, "energy awakening" atau komunikasi dengan entiti ghaib sebagai sumber pengetahuan spiritual.

Petikan ini menunjukkan bahawa NAM tidak secara langsung menolak agama. Sebaliknya, neraca epistemologi diubah sehingga pengalaman subjektif dianggap sebagai kebenaran mutlak dan wahyu kelihatan tidak relevan. Wahyu dianggap sebagai simbol atau mitos yang boleh diganti dengan kesedaran rohani dan bukannya ukuran hak dan batil dalam konteks ini.

Sebaliknya, al-Shātībī (1992) dalam *Al-I'tisām* menegaskan bahawa agama tidak boleh dibentuk melalui inovasi spiritual yang dicipta oleh manusia. Beliau menjelaskan bahawa sebarang bentuk amalan atau kepercayaan agama yang tidak bersandar kepada wahyu dianggap sebagai bid'ah, iaitu penambahan dalam agama yang berpunca daripada hawa nafsu manusia. Golongan yang mencipta bentuk spiritualiti baharu sering mendakwa bahawa pengalaman rohani mereka membawa kepada kebenaran yang lebih tinggi, sedangkan hakikatnya mereka hanya mengikuti spekulasi dan keinginan sendiri (Al-Shātībī, 1992).

Prinsip yang digariskan dalam epistemologi Islam secara langsung bercanggah dengan epistemologi NAM yang membenarkan individu mencipta sistem spiritual peribadi berdasarkan pengalaman rohani tanpa rujukan kepada wahyu. Bagaimana alam dianggap sebagai sumber kebenaran dan pengalaman rohani juga ditunjukkan melalui penggunaan tokoh sastera dan falsafah seperti Henry David Thoreau dalam penceritaan NAM.

Menurut Walden, epistemologi NAM tidak muncul secara kebetulan, sebaliknya ia berakar daripada tradisi Transcendentalisme, Romantisisme, dan *mysticism* alam, penghayatan alam sebagai realiti suci atau medium ketuhanan, elemen *mysticism*, *transcendence* dan *inner awakening*, penolakan agama arus perdana, dan pencarian makna melalui spiritualiti yang berpusat kepada alam (Khan & Rahman, 2024).

Alam dilihat sebagai realiti Ilahi itu sendiri, bukannya sebagai ciptaan Tuhan yang menunjuk kepada-Nya. Metodologi ini mengukuhkan asas pantheisme dan monisme NAM, yang menghapuskan perbezaan ontologi antara Khāliq dan makhḷūq, menghapuskan asas tauhid. Panteisme, yang merujuk kepada konsep bahawa Tuhan meresap dalam semua, dan monisme, yang merujuk kepada konsep bahawa segala-galanya adalah satu tenaga, merupakan asas kepada NAM.

Tuhan kini dianggap sebagai tenaga kosmik, hukum alam, atau kesedaran sejagat, bukannya Zat Transenden. Semua kewujudan berkongsi "kehidupan Tuhan", menurut tokoh gerakan NAM iaitu Annie Besant dan Helena Blavatsky (Besant, 1912; Blavatsky, 1889; 2016). Theosofi dan *Freemasonry* mengambil pendekatan ini, menyamakan Tuhan dengan prinsip cahaya, logos dan emanasi kosmik (Pike, 1871).

Selain itu, Baer juga menunjukkan cara idea tentang tenaga dan objek material digunakan sebagai sumber kuasa rohani dan ilmu: "*I saw crystal computers glowing with multicolored electric charges... containing volumes of stored information*" (Baer, 1989). Petikan ini mencerminkan konsep yang dikenali sebagai materialisme energik iaitu

kepercayaan bahawa getaran tenaga, yang boleh dimanipulasi oleh objek seperti kristal, mengandungi kebenaran dan ilmu.

Baer juga mendedahkan penggunaan epistemologi untuk mencapai gnosis dengan menggunakan bahan psikedelik seperti peyote, meskalin dan LSD: “*I felt I was privileged to know the innermost secrets of the universe.*” Hal ini menunjukkan bahawa NAM mengamalkan epistemologi ekstasi. Epistemologi ini menolak batasan akal, moral, dan syariat dan menjadikan pengalaman luar biasa sebagai ukuran kebenaran. Dari sudut pandangan Islam, kaedah ini jelas menyalahi etika ilmu kerana pengalaman yang tidak dipandu oleh wahyu tidak boleh dianggap sebagai asas pengetahuan.

Dalam perkembangan kontemporari, fenomena spiritualisme moden juga muncul dalam bentuk baharu melalui apa yang digelar sebagai “*digital spirituality*”. Dalam konteks ini, autoriti agama tradisional semakin merosot dan digantikan oleh pengalaman rohani individu yang disebarkan melalui media digital. Fenomena tersebut melahirkan sistem kepercayaan hibrid yang menggabungkan unsur sains popular, teknologi dan mistisisme peribadi, sehingga membentuk bentuk religiositi baharu yang berpusat kepada pengalaman diri.

Dalam ruang siber ini, “diri digital” menjadi pusat makna dan kesucian, yang dapat dilihat sebagai kesinambungan epistemologi NAM dalam persekitaran digital (Al-Janabi, 2026). Kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa banyak bentuk spiritualisme moden sebenarnya lahir daripada percampuran falsafah Barat, mistisisme Timur dan ideologi sekular yang menghasilkan sistem kepercayaan sinkretik yang terpisah daripada tradisi wahyu (Al-‘Aql, 2001).

Fenomena ini dapat dilihat dalam kajian Al-Zahrānī (2023) yang menggunakan ajaran Rajneesh Osho sebagai kajian kes bagi menunjukkan bagaimana spiritualisme kontemporari menekankan meditasi, kesedaran diri dan relativisme agama sambil menolak autoriti wahyu sebagai sumber kebenaran.

PERBINCANGAN

Epistemologi Islam berpaksikan pada wahyu (al-Quran dan al-Sunnah) sebagai sumber ilmu tertinggi, diikuti oleh akal yang tertib dan pengalaman empirik yang sah, yang diikat dengan garis panduan syarak (al-Attas, 2014). Islam adalah bersifat theosentrik yang meletakkan Allah SWT sebagai asas realiti dan sumber hakikat ilmu (al-Attas, 2023b; Nasr, 1989).

Pendekatan NAM ini jelas bercanggah dengan epistemologi Islam kerana ia menganggap intuisi dan komunikasi ghaib yang tidak dapat disahkan dan dibuktikan kebenarannya itu sebagai sumber autoritatif ilmu, manakala agama Islam menganggap wahyu sebagai sumber tertinggi kebenaran. Menurut Imam Al-Sanūsī dalam *Umm al-Barāhīn*, akal tidak dapat mencapai hakikat wujud tanpa bantuan wahyu (Al-Sanūsī, 1998).

Kalimah *Lā ilāha illā Allāh* menuntut penafian sepenuhnya segala bentuk ketuhanan selain Allah, termasuk penyembahan diri, tenaga kosmik dan kekuatan batin, sebagaimana dinyatakan oleh al-Sanūsī. Apabila kebenaran ditentukan oleh pengalaman individu, tiada lagi ukuran objektif untuk benar dan batil.

Dari perspektif sarjana Islam kontemporari, *Law of Attraction* atau dipanggil sebagai hukum daya tarik yang juga dikenali dalam istilah arab sebagai *Qanun al-Jadhb* ialah satu fahaman spiritual NAM yang percaya bahawa pemikiran manusia mempunyai kuasa yang dapat menentukan realiti tetapi menafikan qudrah dan iradah Allah SWT di samping menyalahi konsep qada’ dan qadar serta menafikan rasa kebergantungan manusia kepada Tuhan (Al-Munajjid, 2010; Al-Rashīd, 2014; Al-‘Ubayd, 2022; Al-‘Ujaīrī, 2011; Kurdi, 2013; Talaat, 2019).

Prinsip sebab-musabbab yang ditetapkan oleh Allah SWT ditentang oleh kepercayaan kepada “frekuensi tenaga positif” yang diimani oleh pengikut NAM sebagai sebab muktamad kejayaan atau kebahagiaan sepertimana yang dijelaskan oleh Sheikh Muhammad Sālih al-Munajjid (al-Munajjid, 2010). Selain itu, ia menghilangkan nilai ibadah seperti doa, sabar dan tawakkal. Dalam hal ini, konsep epistemologi Islam hendaklah

mengalihkannya daripada bergantung kepada kuasa fikiran mutlak manusia kepada bergantung sepenuhnya hanya kepada Allah (al-Munajjid, 2010).

Menurut al-Attas (2023a), metafizik dan epistemologi Islam berasaskan pengakuan bahawa Allah SWT ialah al-Ḥaqq (Realiti Mutlak) yang *wajib al-wujud*, dan bahawa alam dan manusia hanyalah *mumkin al-wujūd* yang bergantung sepenuhnya kepada-Nya dari sudut perbezaan dalam asas ontologi Islam. Oleh itu, kalimah syahadah bukan sekadar pengakuan teologi, sebaliknya ia adalah asas epistemologi yang menentukan cara manusia memahami realiti dan kebenaran.

Semua jenis ilmu yang benar harus membawa orang ramai kepada pemahaman dan pengakuan keesaan Allah, bukannya kepada pendewaan diri atau kesedaran batin. Realiti tertinggi sering digambarkan sebagai kesedaran universal atau tenaga kosmik yang tidak bersifat manusiawi. Konsep ini menghapuskan perbezaan ontologi antara Tuhan dan makhluk. Akibatnya, kekeliruan epistemologi berlaku kerana sumber kebenaran bergantung kepada pengalaman kesedaran yang berubah-ubah, bukannya wahyu.

Dalam erti kata lain, ilmu manusia adalah melalui pembelajaran dan penerimaan secara *iktisabi*, bukannya ketuhanan yang terbit daripada dalam. Sarjana Islam moden seperti Al-Darmaki (2022) mengkritik amalan seperti meditasi, yoga dan rawatan tenaga yang hakikatnya bukanlah bersifat neutral. Sebaliknya, ia telah berakar umbi dalam ritual dan metafizik agama Timur yang menuntut pengosongan minda dan penyatuan dengan kosmos.

Beliau menegaskan bahawa penggunaan istilah saintifik seperti energi, frekuensi dan getaran hanyalah penipuan saintifik yang bertujuan untuk mengabsahkan kepercayaan metafizik yang bertentangan dengan tauhid. Kritikan ini sejajar dengan dakwaan Baer (1989) bahawa NAM menggunakan bahasa sains untuk melemahkan kuasa agama wahyu.

Disebabkan fakta bahawa pengalaman batin tidak mempunyai autoriti epistemik yang berdiri sendiri, dari sudut pandangan epistemologi Islam, adalah satu kesalahan nyata untuk menganggap keadaan perubahan dan pengalaman lebih tinggi sebagai jalan kepada makrifah. Pengalaman rohani hanya boleh diterima apabila tunduk kepada hukum syariat dan wahyu, sebaliknya apabila ia dimutlakkan, kesesatan dan manipulasi rohani akan muncul (Abdulfatah Haron Ibrahim, 2014; al-Ghazālī, 2010b; al-Attas, 2020).

Epistemologi NAM ini secara asas bercanggah dengan tafakkur Islam, sebagaimana dijelaskan oleh Prof. Malik Badri berpendapat bahawa tafakkur bermula dengan pengamatan pancaindera, renungan rasional terhadap ciptaan, kesedaran kehambaan kepada Pencipta, dan akhirnya musyahadah, yang mengekalkan perbezaan mutlak antara Allah dan makhluk (Badri, 2000; 2013).

Tafakkur Islam dipengaruhi oleh akidah tauhid, wahyu, dan disiplin syariat, serta menolak idea penyatuan kesedaran kosmik. Hal ini berbeza dengan NAM, yang mengangkat pengalaman subjektif sebagai autoriti kebenaran. Oleh itu, makrifah Islam bukanlah hasil daripada manipulasi kesedaran, sebaliknya ia adalah anugerah Ilahi yang berasal daripada ilmu yang sahih, amal yang berterusan dan penyucian jiwa. Oleh itu, sebarang perbandingan antara makrifah Islam dan *higher consciousness* dalam NAM adalah salah dari segi epistemologi Islam.

Wahyu, dalam epistemologi Islam, adalah sumber ilmu tertinggi dan sumber penentu kebenaran mutlak. Ilmu yang benar, menurut Al-Attas (2023b), ialah ilmu yang membawa manusia mengenal Allah dan meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sah. Walaupun penting, akal manusia terhad dan tidak dapat memahami dunia secara menyeluruh tanpa bantuan wahyu.

Oleh itu, menolak wahyu merupakan keruntuhan epistemologi, bukan sekadar kesilapan teologi. Pada masa yang sama, NAM menggantikan wahyu dengan pengalaman mistik subjektif yang tidak mempunyai piawai kebenaran yang jelas. Tahap kesedaran individu hakikatnya ialah sumber yang tidak mengikat untuk menentukan kebenaran. Dari perspektif epistemologi Islam, kaedah ini menghasilkan relativisme bersifat bātiniyyah dan relativisme kebenaran kerana ia menafikan bahawa kebenaran itu adalah satu dan mutlak di sisi Allah.

Wahyu adalah asas kebenaran Islam, yang objektif dan kekal. Allah menyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 147 bahawa kebenaran datang daripada Tuhan, dan ia tidak wajar untuk menjadi medan keraguan. Al-Quran juga menyatakan bahawa Islam adalah agama yang benar di sisi Allah (Surah Āli ‘Imrān 3:19). Hal ini menunjukkan bahawa kebenaran berkaitan dengan wahyu dan bukannya dengan pengalaman manusia.

Sebagaimana dihuraikan oleh Imam al-Shahrastānī dalam *al-Milal wa al-Niḥal*, kecenderungan ini sangat sepadan dengan ciri-ciri aliran bātiniyyah klasik (Al-Shahrastānī, 1993). Dia memberikan penjelasan tentang sebab golongan bātiniyyah diberi nama ini kerana kepercayaan mereka bahawa setiap nas agama mempunyai makna zahir dan batin, jadi makna zahir syariat dianggap tidak penting dan guru batin sahaja yang boleh mentakwilkannya.

Akhirnya, kaedah ini membawa kepada penolakan syariat dan pengganti wahyu dengan autoriti rohani atau guru. Al-Shahrastānī juga menyatakan kepercayaan ekstrim sebahagian daripada golongan bātiniyyah yang menolak sepenuhnya sifat-sifat Allah. Dengan menggambarkan Tuhan sebagai entiti abstrak yang hanya boleh difahami melalui pengetahuan esoterik dan pengalaman batin, ungkapan pseudo-falsafah ini menghancurkan asas tauhid.

Pendekatan ini dianggap sebagai penyimpangan besar oleh Al-Shahrastānī kerana ia menggantikan wahyu dengan tafsiran batin yang tidak bergantung pada dalil wahyu yang sahih. Analisis ini sangat serupa dengan pengalaman Randall Baer dalam NAM. Baer mendedahkan cara guru-guru NAM mengajar bahawa kebenaran sebenar terletak pada kebenaran dalaman dan kesedaran lebih tinggi, manakala agama hanyalah representasi luaran.

Intuisi, *channeling* dan pengetahuan rahsia, yang hanya boleh difahami oleh mereka yang kononnya telah mencapai pencerahan untuk menggantikan wahyu dan autoriti agama. Ini adalah selaras dengan pola bātiniyyah, yang melibatkan penolakan zahir, pengagungan batin, dan penerimaan sepenuhnya kepada kuasa guru spiritual. Menurut Al-Darmaki (2022), epistemologi bātiniyyah adalah asas kepada NAM, yang menjadikan intuisi dan pengalaman rohani sebagai sumber utama kebenaran.

Dalam konteks ini, Tuhan dianggap sebagai tenaga kosmik atau kesedaran impersonal, bukannya Zat transenden yang memberi wahyu. Pandangan ini selaras dengan tanggapan Baer bahawa NAM mengaburkan idea ketuhanan sehingga menyebabkan *self-deification* iaitu pendewaan diri dan kesedaran manusia sendiri berlaku. Epistemologi NAM ditolak dalam epistemologi Islam kerana ia menisbahkan kuasa ghaib dan fungsi epistemik kepada benda yang mana ini adalah *tasyabbuh* dengan animisme dan bercanggah dengan tauhid.

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam berkenaan dengan epistemologi NAM, terdapat banyak persamaan dengan aliran bātiniyyah dalam sejarah Islam klasik. Sambil menafikan autoriti makna zahir wahyu, kedua-duanya mengangkat makna batin dan pengalaman subjektif sebagai sumber kebenaran tertinggi. Dalam keadaan ini, hubungan antara *al-dāll* (lafaz wahyu) dan *al-madlūl* (makna) terputus, dan ia digantikan dengan tafsiran esoterik yang hanya difahami oleh sebilangan kecil orang.

Relativisme makna dan penyingkiran syariat sebagai neraca kebenaran. Ibn Khaldūn (1993) mengecam kecenderungan kepada kerohanian palsu yang mendakwa mempunyai akses kepada “rahsia kewujudan”, emanasi kosmik, dan ilmu simbolik, seperti ilmu *simyaa’* yang ada kaitan dengan ilmu huruf, alkimia batin dan amalan esoterik klasik. Hal ini kerana pendekatan ini menjadikan pengalaman ghaib sebagai sumber ilmu yang berdiri sendiri.

Kritikan epistemologi Islam adalah bahawa kebenaran tidak boleh bergantung kepada rasa, ekstasi atau pengalaman mistik. Kebenaran dalam Islam adalah objektif dan berasaskan wahyu, bukannya relativistik berdasarkan pengalaman peribadi. Hal ini turut diperkukuhkan dengan konsep tafsir isyari oleh Sahl al-Tustari yang ditakrifkan sebagai pentafsiran rohani yang berlapis makna batin akan tetapi tetap terikat dengan zahir al-Quran, tauhid dan disiplin tasawuf yang sahih sebagai asas epistemologi pembangunan jiwa

yang selamat dan berkesan berbanding kecenderungan batini (Zakaria & Mat Said, 2021; Zakaria, 2024; Zakaria et al., 2025).

Dalam keadaan seperti ini, peringatan Imam Al-Ghazālī tentang aliran bātiniyyah sepadan dengan fenomena NAM. Dalam kitab beliau *Fadā'ih al-Bātiniyyah*, Imam Al-Ghazālī menyatakan bahawa struktur agama akan runtuh apabila autoriti makna zahir wahyu ditolak dan digantikan dengan dakwaan makna batin yang subjektif (Al-Ghazālī, 2010a). Fenomena ini sejajar dengan penjelasan Baer (1989) tentang cara NAM menggantikan wahyu dengan idea seperti *inner guidance*, *higher self* dan *cosmic consciousness*.

Hal ini membolehkan relativisme kebenaran dan manipulasi spiritual muncul. Dalam karya Imam Al-Ghazālī yang lain seperti *al-Munqidh min al-dhalal* juga memperlihatkan krisis skeptisisme intelektual yang dialaminya terhadap golongan falsafah, bātiniyyah dan ahli kalam melalui penilaian kritikal (Al-Ghazālī, 2020). Akal mempunyai batas dan perlu berada dalam bimbingan wahyu yang mana kebenaran hakiki hanya diperoleh melalui kesepaduan ilmu yang sahih dan pengalaman rohani yang selari dengan syariat, tidak seperti NAM yang sering memfokuskan tentang kebebasan spiritual tanpa sempadan wahyu dan akidah.

Amaran yang dikemukakan oleh Imam 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī dalam *al-Farq bayna al-Firaq* mengenai bahaya aliran bātiniyyah menjadi sangat relevan dalam konteks ini kerana mereka membawa bahaya yang lebih besar daripada bahaya yang dibawa oleh yahudi, kristian, majusi dan bahkan Atheist kerana mereka dianggap musuh dalaman yang munafik (Al-Baghdadi, 1997).

Seperti bātiniyyah, NAM memusnahkan agama dari dalam melalui tafsiran yang salah, simbolisme dalaman dan bergantung kepada intuisi subjektif. Kedua-duanya mengancam manusia dengan cara yang sama, iaitu menjauhkan mereka daripada wahyu, menolak syariat zahir, dan menggantikan tauhid dengan kerohanian subjektif. Pada akhirnya, ini akan membawa manusia kepada pengabdian kepada diri sendiri.

Perbandingan dengan kerangka Imām Ibrāhīm al-Kurānī dalam *al-Maslak al-Jalī fī Hukm Shath al-Walī* mengukuhkan kritikan ini. Al-Kurānī menyatakan bahawa pengalaman rohani tidak boleh dianggap sebagai sumber ilmu yang bebas, tetapi sebaliknya perlu ditimbang dengan wahyu, akal yang sejahtera, dan prinsip *tanzih* (Al-Kurānī, 2011). Sama ada melalui *hulūl*, *ittihād* atau fahaman kesatuan kosmik, yang merupakan asas utama falsafah NAM, Al-Kurānī menolak sebarang bentuk penyatuan ontologi antara Tuhan dan makhluk.

Selain itu, hasil kajian disokong oleh bukti sejarah epistemologi Islam di Alam Melayu melalui analisis manuskrip terjemahan al-Attas tentang *Aqā'id al-Nasafī*. Ini menunjukkan bahawa, sejak awal lagi, tradisi keilmuan Islam berpaksikan pada wahyu, autoriti ilmu, dan disiplin akidah yang tersusun, bukannya sinkretisme atau pengalaman mistik yang tidak berkaitan. Epistemologi NAM mengutamakan intuisi dan kesedaran diri sebagai sumber kebenaran muktamad. Tradisi ini bertentangan secara langsung dengan epistemologi Islam (Al-Attas, 1988).

Tambahan lagi, kajian Seyyed Hossein Nasr juga mengukuhkan asas ini, menyatakan bahawa penolakan kesucian ilmu dan wahyu dalam spiritualiti kontemporari membawa kepada relativisme kebenaran dan kekosongan makna rohani (Nasr, 1989;1993). Berdasarkan kerangka epistemologi Islam yang dihuraikan oleh para sarjana ini, keputusan kajian menunjukkan bahawa NAM adalah manifestasi fahaman bātiniyyah moden yang mengulangi pola kesesatan lama dalam cara yang lebih baru.

Selain itu, menurut kajian oleh Dr. Fatimah Abdullah, spiritualiti kontemporari yang berlaku dalam konteks Barat itu berkembang ekoran daripada tindak balas terhadap krisis makna dan yang disebabkan oleh kesan sekularisme dan pascamodenisme (Abdullah, 2022).

Akhirnya, hal yang sedemikian mewujudkan satu fenomena spiritualiti yang bersifat sekular dan humanis, hanya kepada pemusatan kepada manusia semata-mata tanpa sandaran kepada wahyu yang ternyata jelas kelihatan dalam NAM, manakala sebaliknya Islam telah menyatakan secara terang bahawa konsep spiritualiti hendaklah

berpaksikan kepada tauhid, wahyu dan penyucian jiwa sebagai asas kepada kesejahteraan psiko-rohani yang komprehensif (Abdullah, 2022).

Dari sudut pandangan Islam, pengalaman luar biasa tidak pernah digunakan untuk menilai kebenaran iman seseorang. Walaupun agama Islam mengakui kewujudan pengalaman rohani (*ilhām* atau *dhawq*), ia tidak boleh membawa kepada kepercayaan yang bertentangan dengan tauhid dan terhad kepada ukuran wahyu. Menurut al-Ghazālī (2010b) dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*, pengalaman batin harus ditimbang dengan wahyu dan syariat kerana jika ia membawa kepada kekeliruan tauhid atau menggugurkan kewajipan agama, ia adalah sumber penyelewengan dan bukannya petunjuk kebenaran akibat daripada ilusi spiritual.

Kebahagiaan hanya boleh dicapai dengan jalan *tazkiyah al-nafs* yang sahih apabila diri mengenal rasa kehambaan kepada Allah dalam keadaan memahami dunia sebagai alat dan menyedari hakikat bahawa akhirat adalah matlamat akhir yang sebenar (al-Ghazālī, 2010b). Akhirnya, Baer sendiri mengakui bahawa banyak pengalaman “pencerahan” yang dianggap benar adalah palsu yang disusun secara licik. Dia kemudiannya menegaskan bahawa dia melihat helah dan penipuan syaitan dalam sistem tersebut melalui kerangka teologi Kristian (Baer, 1989).

Hasil kajian menyimpulkan bahawa bukan sekadar kesalahan teologi yang berbeza yang menyebabkan krisis utama dalam NAM, tetapi ia juga berakar pada kehilangan adab terhadap ilmu, iaitu kegagalan untuk meletakkan Tuhan, wahyu, akal, dan manusia dalam kedudukan yang betul. Al-Attas menyatakan bahawa kehilangan adab terhadap ilmu dan kebenaran adalah punca krisis yang melanda peradaban moden, bukannya kemajuan teknologi atau kekurangan ilmu.

Apabila bercakap tentang sumber ilmu, hierarki kebenaran, dan hubungan ontologi antara manusia, alam, dan Tuhan, istilah kehilangan adab atau “*loss of adab*” dirujuk sebagai ketidakupayaan manusia untuk memahami dan meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar (al-Attas, 2022). Dalam konteks ini, pengalaman seorang “*insider*” yang digambarkan oleh Randall Baer dalam *Inside the New Age Nightmare* menunjukkan NAM sebagai manifestasi jelas kehilangan adab epistemologi.

Hal ini kerana ia menormalisasikan perpindahan autoriti ilmu daripada wahyu kepada intuisi subjektif dan pengalaman mistik yang tidak tertakluk kepada neraca kebenaran yang mengikat. Menurut al-Attas (2023b), pencarian spiritual kontemporari akan mudah berakhir dengan kesombongan intelektual, kekeliruan makna, dan penafian hakikat ketuhanan yang sebenar.

NAM bukan sekadar kesesatan teologi, malah ia adalah cabaran epistemologi yang besar kerana ia menggantikan wahyu dengan intuisi subjektif, mewujudkan relativisme kebenaran yang menghapuskan sempadan antara yang betul dan salah. Keadaan ini sejalan dengan peringatan yang dinyatakan dalam al-Quran dalam Surah al-Baqarah ayat 147 bahawa kebenaran tidak boleh diukur dengan rasa, tetapi mesti kembali kepada petunjuk Tuhan.

Hasil kajian ini mengesahkan juga bahawa epistemologi NAM bergantung pada penolakan kebenaran objektif dan penggunaan intuisi, pluralisme dan relativisme sebagai pengganti wahyu. Dari perspektif epistemologi Islam, usaha untuk mengislamisasikan pluralisme agama adalah satu bentuk kontradiksi epistemologi kerana ia menggabungkan dua sistem ilmu yang saling menafikan antara satu sama lain.

Al-Attas menyatakan bahawa islamisasi ilmu tidak bermakna mencampur-adukkan elemen daripada sistem sekular. Sebaliknya, ia bermaksud membezakan antara ilmu yang benar (*‘ilm*) dan ilmu yang menyesatkan. Menurut kerangka al-Attas (2023b), NAM boleh dianggap sebagai ilmu yang menyesatkan kerana matlamatnya bukan untuk mencari kebenaran, tetapi untuk memperoleh kuasa dan kepuasan diri.

Ini kerana Islamisasi ilmu adalah lebih daripada sekadar penyucian epistemologi. Ia adalah penyucian konsep, sumber dan matlamat ilmu daripada syirik, sekularisme dan sinkretisme yang bercanggah dengan tauhid. Menurut Dr. Haitham Talaat, penolakan terhadap konsep *al-Walā' wa al-Barā'* oleh NAM atas nama toleransi dan kesatuan agama

secara sejagat adalah mekanisma tersirat dalam konsep *ilhad ruhhi* atau *spiritual atheism* yang boleh meranapkan pasak akidah dan mengaburkan sempadan iman dan kufur (Talaat, 2019; Daddoush, 2023).

Konsep NAM juga dikenalpasti disebarikan melalui program motivasi dengan saduran istilah islamik yang mengelirukan dan berpotensi boleh menjejaskan kefahaman akidah awam (Zaizul Ab Rahman, 2025). Oleh yang demikian, usaha untuk mengislamisasikan NAM bukanlah suatu proses ilmiah, sebaliknya ia adalah satu cara untuk menormalisasikan syirik kontemporari dalam wacana spiritual moden.

Penolakan ini tidak bermaksud menafikan bahawa Islam tidak mempunyai keperluan kerohanian. Sebaliknya, ia menegaskan bahawa spiritualiti yang benar dalam Islam hanya boleh dicapai dengan berpegang kepada wahyu, disiplin ilmu yang muktabar, adab terhadap Tuhan dan sumber kebenaran itu sendiri. Unsur-unsur menyeleweng seperti NAM ini perlu dibendung daripada terus melarat agar dapat menjaga *maqasid* 'aqidah melalui kaedah *sadd al-dhara'i* sepertimana yang dijelaskan oleh sarjana Islam klasik semisal Imam Al-Shātibī (Al-Shātibī, 1997; Wan Hassan, 2005).

Oleh itu, epistemologi NAM boleh disimpulkan sebagai satu bentuk *ilhād* kontemporari yang menjadikan sumber wahyu terpinggir yang akhirnya meleraikan manusia daripada tauhid kepada Allah (Zamri et al., 2023).

PENUTUP

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, NAM adalah manifestasi krisis spiritual moden yang disebabkan oleh kegagalan materialisme, kapitalisme dan sains sekular untuk memberikan makna hidup yang menyeluruh kepada manusia. Dalam *Inside the New Age*, NAM bukanlah sekadar kumpulan motivasi, cara hidup atau kaedah kesejahteraan alternatif. Sebaliknya, ia adalah sistem pemikiran spiritual yang disusun dengan teliti yang bergantung pada penolakan wahyu dan pengiktirafan pengalaman batin sebagai sumber kebenaran.

Perspektif epistemologi Islam yang menekankan keseimbangan akal, tauhid dan wahyu memberikan asas intelektual yang paling kukuh untuk menilai dan menolak perselisihan ini. Umat Islam boleh membezakan pengalaman rohani yang benar daripada ilusi spiritual yang menyesatkan melalui pemahaman epistemologi Islam. Kajian terhadap karya Baer bukan sahaja mendedahkan bahaya ideologi neo-bātiniyyah Barat kontemporari yang berakar umbi dalam NAM, tetapi ia juga membuka jalan untuk pemulihan makna ilmu, iman, dan insan dalam konteks Islam yang menyeluruh.

Sebagai cadangan, hasil kajian ini mencadangkan bahawa usaha untuk mengekang gejala bātiniyyah harus dilihat sebagai satu usaha taktikal yang menyasarkan akar permasalahan epistemologi songsang, yang juga merupakan asas kepada NAM. Untuk menghalang pola pemikiran kabur dan anti-rasional yang menjadi ciri utama bātiniyyah dan NAM, usaha untuk mengembalikan peranan akal dalam agama adalah penting.

Keupayaan untuk berfikir secara disiplin dan kritis memerlukan penguasaan terhadap *al-badīhiyyāt* (aksiom fitrah) dan pendedahan kepada *al-mughālalāt* (falasi pemikiran). Pembudayaan sikap mengisbatkan kesahihan sumber agama adalah perlu untuk menjadi norma dalam masyarakat. Spiritualiti masyarakat kepada asas wahyu boleh disuburkan melalui penggiatan kuliah tadabbur al-Quran dan hadis yang berdasarkan manhaj muktabar perlu diperluaskan.

Tradisi muzakarah dalam Islam juga adalah penting yang berfungsi sebagai mekanisme untuk membersihkan ilmu dan menapis perbincangan, yang membantu menghalang penyebaran konsep sinkretik dan falsafah kerohanian. Akhir sekali, permunian tasawuf berperanan dan mampu untuk menghalang penyimpangan spiritual yang disebabkan oleh ilham subjektif dengan memurnikan tasawuf kepada model arus perdana seperti al-Junayd dan Al-Ghazālī, yang menekankan tazkiyah, muraqabah dan pembinaan akhlak.

RUJUKAN

- Abdulfatah Haron Ibrahim. (2010). *Ajaran sesat: Gerakan sulit wujudiah-batiniah di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. (2014). *Hakikat insan: Satu kritikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. (2018). *Ahli Sunnah dan wujudiah-batiniah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, F. (2022). *Placing spirituality in the contemporary world: The Islamic spirituality vs. secularized spirituality*. Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences, 5(4), 27–45.
- Ahmad Iqram Mohamad Noor. (2022). *Allah menurut sangkaan hamba-Nya = law of attraction?* NHA Publications.
- Ahmad Iqram Mohamad Noor. (2023). *Tersesat kebatilan gerakan New Age*. NHA Publications.
- Ankerberg, J., & Weldon, J. (1996). *Encyclopedia of New Age beliefs*. Harvest House Publishers.
- Al-Attas, S. M. N. (1988). *The oldest known Malay manuscript: A 16th century Malay translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur: Department of Publications, University of Malaya.
- Al-Attas, S. M. N. (2014). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Islamic Banking and Finance Institute Malaysia.
- Al-Attas, S. M. N. (2020). *Some aspects of Sufism as understood and practised among the Malays*. Ta'dib International.
- Al-Attas, S. M. N. (2022). *Islam and secularism* (6th impression). Ta'dib International.
- Al-Attas, S. M. N. (2023a). *Islam: The covenants fulfilled*. Ta'dib International.
- Al-Attas, S. M. N. (2023b). *Prolegomena to the metaphysics of Islām*. UTM Press.
- Badri, M. (2000). *Contemplation: An Islamic psychospiritual study*. Kuala Lumpur, Malaysia: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Badri, M. (2013). *Islamic psychology: Human behaviour and experience from an Islamic perspective* (2nd ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: IIIT & Islamic Book Trust.
- Baer, R. (1989). *Inside the New Age nightmare*. Lafayette, LA: Huntington House.
- Al-Baghdādī, 'A. al-Q. (1997). *Al-Farq bayna al-fīraq*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bāqillānī, A. B. M. ibn al-Ṭayyib. (1987). *Al-tamhīd fī al-radd 'alā al-mulhidah wa al-mu'attilah wa al-rāfidah wa al-khawārij wa al-mu'tazilah* (R. J. McCarthy, Ed.). Beirut: Dār al-Mashriq.
- Besant, A. (1912). *Mysticism*. London: Theosophical Publishing House.
- Blavatsky, H. P. (1889). *The key to Theosophy*. Theosophical Publishing Company.
- Blavatsky, H. P. (2016). *The secret doctrine*. Penguin.
- Bowen, G. A. (2009). *Document analysis as a qualitative research method*. Qualitative Research Journal, 9(2), 27–40.
- Al-Būtī, M. S. R. (1997). *Kubrā al-yaqīniyyāt al-kawniyyah: Wujūd al-khāliq wa wazīfat al-makhlūq*. Damascus: Dār al-Fikr.
- Byrne, R. (2006). *The secret*. New York, NY: Atria Books.
- Chandler, R. (1988). *Understanding the New Age*. Word Books.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.

- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Daddoush, A. (2023, January 7). *Harakat al-‘asr al-jadīd: Al-rūhāniyyah al-bātiniyyah allatī tād intishāran fī ‘asr al-‘almāniyyah wa-al-‘ilm*. Al Jazeera.
- Daherman, Y., & Taufiq, I. (2025). *Simulacra and spirituality: Exploring New Age religion on social media*. Journal of Contemporary Islamic Communication and Media, 5(1), 120–130. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol5no1.128>
- Al-Darmaki, S. S. (2022). *‘Abadat al-kawn [Worshippers of the universe]* (Parts 1–2). Baynoona Network for Shar‘i Sciences.
- Engku Alwi, A. Z. (2015). *Ajaran sesat di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazālī, A. H. (2010a). *Fadā’ih al-bātiniyyah wa fadā’il al-mustazhhiriyyah* (‘Abd al-Qādir ‘Atā, Ed.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazālī. (2010b). *Kīmiyā’ al-sa‘ādah: Kimia ruhani untuk kebahagiaan abadi* (D. S. Riyadi & F. Bahreisy, Trans.). Penerbit Zaman.
- Al-Ghazālī, A. H. (2015). *Kerancuan filsafat (Tahāfut al-falāsifah)* (A. Maimun, Trans.; A. Kholiq, Ed.). Yogyakarta: Forum (Relasi Inti Media).
- Al-Ghazālī. (2020). *Pembebas dari kesesatan (al-Munqidh min al-dalāl)* (B. Achmad, Penterj.). Bekasi: Al-Muqsith Pustaka.
- Al-‘Aql, N. b. ‘A. al-K. (2001). *Manāhij al-‘aqīdah al-mu‘āsirah*. Riyadh: Dār al-Waṭan.
- Groothuis, D. (1986). *Unmasking the New Age*. InterVarsity Press.
- Hanegraaff, W. J. (1996). *New Age religion and Western culture: Esotericism in the Mirror of Secular Thought*. Brill.
- Heelas, P. (1996). *The New Age movement*. Blackwell.
- Herrick, J. A. (2004). *The making of the new spirituality: The eclipse of the Western religious tradition*. InterVarsity Press.
- Hill, N. (1967). *Grow rich with peace of mind*. Fawcett Crest.
- Ibn al-Jawzi, A. F. A. R. (2012). *Talbīs Iblīs*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khaldūn. (1993). *Al-muqaddimah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, M. ibn Abī Bakr. (1975). *Ighāthah al-lahfān min masāyid al-shaytān* (Muḥammad Ḥāmid al-Fiqī, Ed.). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, M. ibn Abī Bakr. (2003). *Miftāh dār al-sa‘ādah wa manshūr wilāyat al-‘ilm wa al-irādah* (‘Abd al-Raḥmān ibn Ḥasan ibn Qā’id, Ed.). Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī.
- Ibn Taymiyyah, T. al-D. A. b. ‘A. al-Ḥ. (2005). *Al-Safadiyyah* (M. Rashād Sālim, Ed.). Riyadh: Maktabat al-Rushd.
- Ibn Taymiyyah, T. al-D. A. b. ‘A. al-Ḥ. (1991). *Dar’ ta‘ārud al-‘aql wa al-naql* (M. Rashād Sālim, Ed.). Riyadh: Jāmi‘at al-Imām Muḥammad ibn Sa‘ūd al-Islāmiyyah.
- Ismail, A. M., & Ali, M. N. S. (2018). *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif Islam*. UKM Press.
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. (2025a, Julai 12). *Ancaman ideologi “New Age Movement” kian menular*. Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang.
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. (2025b, Julai 14). *Ancaman ideologi New Age Movement dalam program-program motivasi* [Kenyataan media].
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2024). *Jawapan berkaitan penggunaan „tensor ring/soffegio“ dan kaitannya dengan ajaran Islam*. eMuSyKil – Soal Jawab Agama. <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=5179>

- Al-Janabi, H. M. (2026). *Al-rūhāniyyah al-raqamiyyah wa mawtu al-muqaddas: Dirāsah tahlīliyyah li-‘aqā’id al-niyū-dīniyyah fī al-mujtama‘āt al-ifti rādiyyah*. Journal of Babylon Center for Humanities Studies, 16(2).
- Junedi, A. R., & Salleh, N. (2024). *The doctrine and spiritual practices of the New Age Movement*. International Journal of West Asian Studies, 16, 1–17.
- Al-Juwaynī, A. M. ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allāh. (1950). *Al-irshād ilā qawāti‘ al-adillah fī usūl al-i‘tiqād* (M. Y. Mūsā & ‘A. ‘A. ‘Abd al-Ḥamīd, Eds.). Cairo: Matba‘at al-Sa‘ādah.
- Kamal Hassan. (1983). *Ledakan kerohanian dalam masyarakat Barat kini*. Kertas kerja dibentangkan di Kongres Bimbingan Kerohanian, Masjid Abu Bakar as-Siddiq, Kuala Lumpur.
- Khairuddin, W. H. (2022). Kerangka Kajian Ajaran Sesat Menurut Ahli Sunah Waljamaah: Framework for the Study of Heresy According to Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1), 120–149.
- Khairuddin, W.H. (2025). *Bahaya New Age Movement terhadap akidah umat Islam*. Kertas kerja Diskusi Semasa: Pendedahan New Age Movement dalam Motivasi Islam, anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Shah Alam, Malaysia.
- Khan, I. U., & Rahman, M. (2024). *Man, nature, and eco-spirituality in Henry David Thoreau’s Walden: An eco-critical reading*. Dialogue Social Science Review, 2(5), 659–676.
- Al-Kurānī, Ibrāhīm ibn Ḥasan. (2011). *Al-maslak al-jalī fī ḥukm shath al-walī* (Muḥammad ‘Abd al-Qādir Naṣṣār, Ed.). Dār al-Kanz.
- Kurdi, F. A. (2013). *Harakat al-‘asr al-jadīd: Dirāsah li-judhūr al-harakah wa-fikrihā al-‘aqadī wa-mukhātarihā ‘alā al-ummah al-islāmiyyah* [The New Age movement: A study of its roots, ideology, and dangers to the Islamic nation]. *Journal of King Abdulaziz University: Arts and Humanities*, 21(2), 567–612.
- Kurdi, F. A. (2014). *Menguak New Age Movement*. Darul Uswah.
- Long, A. S. (2015). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. UKM Press.
- Marrs, T. (1987). *Dark secrets of the New Age*. Crossway Books.
- Matrisciana, C. (1985). *Gods of the New Age*. Harvest House Publishers.
- Matrisciana, C. (1988). *Gods of the New Age* [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=Yn7qbXyd_uA
- Mohammad Razif Mohamad Fuad. (2025). *Akidah di persimpangan zaman: Barah New Age*. Yayasan Al-Abqari.
- Mohamad Yatim, S. S., Mohamad Zaini, M. N., & Ayob, M. A. S. (2025). *Penyelewengan ajaran New Age Movement (NAM) di Malaysia: Satu analisis akidah dan implikasinya terhadap masyarakat Islam*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 10(76), 384–396.
- Mohd Nor, M. T. (2025, Julai 25). *“New Age Movement” ancam akidah, psikospiritual*. Sinar Harian.
- Al-Munajjid, M. Ṣ. (2010). *Hukm al-‘aqīdah al-mabniyyah ‘alā qānūn al-jadhb*. IslamQA. <https://islamqa.info/en/answers/112043>
- Nain, S. (2021, 22 Jun). *Membongkar ajaran buku Rahsia Magnet Rezeki*. Gerakan Pena Malaysia. <https://gerakanpenamalaysia.blogspot.com/2021/06/membongkar-ajaran-buku-rahsia-magnet.html>
- Nasr, S. H. (1989). *Knowledge and the sacred*. State University of New York Press.
- Nasr, S. H. (1993). *The need for a sacred science*. State University of New York Press.

- Nasrullah. (2016). *Rahasia magnet rezeki: Menarik rezeki dahsyat dengan cara Allah*. PT Elex Media Komputindo.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019a, April 5). *Al-Afkar #51: Aliran Batiniyyah*.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019b, September 26). *Bayan Linnas siri ke-215: Beberapa isu dalam seminar Metamorphosis: Satu pendapat*.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020, Januari 2). *Al-Afkar #73: Hukum mengamalkan transcendental meditation (TM)*.
- Pike, A. (1871). *Morals and dogma of the ancient and accepted Scottish Rite of Freemasonry*. Supreme Council, 33°, Southern Jurisdiction, U.S.A.
- Al-Rashīd, H. bint N. (2014). *Harakat al-‘asr al-jadīd: Mafhūmuhā wa-nash’atuhā wa-tatbīqātuhā*. Markaz al-Ta’šīl li al-Dirāsāt wa al-Buhūth.
- Al-Rāzī, F. al-D. (1987). *Al-Matālib al-‘āliyyah min al-‘ilm al-ilāhī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Al-Sanūsī, M. b. Y. (1998). *Umm al-barāhīn*. Dār al-Fikr.
- Scott, J. (1990). *A matter of record: Documentary sources in social research*. Polity Press.
- Shaary, A. M., & Abdul Hamid, A. F. (2021). *Early autobiographical writing in the history of Islamic literature*. *Jurnal al-Muqaddimah*, 9(1), 45–52.
- Al-Shahrastānī, A. F. M. ibn ‘A. (1993). *Al-milal wa al-nihal* (A. F. M. Badrān, Ed.; Vols. 1–2). Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Shātībī, I. ibn Mūsā. (1992). *Al-i’tisām* (Salīm ibn ‘Īd al-Hilālī, Ed.). Riyadh: Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Shātībī, I. (1997). *Al-muwāfaqāt fī usūl al-sharī‘ah*. Dār al-Ma‘rifah.
- Talaat, H. (2019). *Spiritual atheism and its danger to ‘aqīdah (creed) and reason*. Author-published.
- Tolle, E. (2005). *A new earth: Awakening to your life’s purpose*. New York, NY: Dutton.
- Wan Hassan, W. Z. (2005). *Sadd al-Dharā’i’ dalam memelihara agama dan kaitannya dengan asas keharmonian hubungan etnik*. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 6, 95–108.
- Al-‘Ubayd, A. H. (2022). *Harakat al-‘asr al-jadīd: Dirāsah naqdiyyah*. *Journal of Islamic Legislations and Laws*, 48(2), 4–26.
- Al-‘Ujairī, A. b. Ṣ. (2011). *Khurāfat al-sirr: Qirā’ah taḥlīliyyah li-kitāb al-sirr wa-qānūn al-jadhb*. Riyadh: Dār al-Waṭan.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Penerbit UTM Press.
- Warta Oriental. (2025, 21 Julai). *eHati: Aktiviti Queen’s Night tak dimaklum kepada JAIS*. *Warta Oriental*. <https://wartaoriental.com/2025/07/21/ehati-aktiviti-queens-night-tak-dimaklum-kepada-jais/>
- Al-Zahrānī, Ṣ. b. ‘A. b. ‘A. al-‘Atīq. (2023). *Al-fikr al-rūhānī al-mu‘āsir: ‘Ard wa naqd fī daw’ al-Islām (Osho anmūdhan)* (PhD thesis). King Abdulaziz University.
- Zaizul Ab Rahman, Z. A. (2025, Julai 19). *Usah terpedaya dakyah, istilah Islamik “New Age Movement”*. *Berita Harian*.
- Zakaria, S. N., & Mat Said, M. H. (2021). *Analisis Pandangan Ulama Yang Menerima Dan Menolak Tafsiran Ayat Al-Quran Menggunakan Metodologi Ishari*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(41), 42 - 54.
- Zakaria, S. N. (2024). *Konsep pembangunan jiwa menurut pemikiran Sahl al-Tustari dalam kitab Tafsir al-Quran al-Azim: Analisis terhadap pemulihan penagihan dadah* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

- Zakaria, S. N., Mat Said, M. H., & Mohd Azmi, M. H. A. (2025). Evaluating scholarly opinions on the use of Ishari methodology in Qur'anic verse interpretation. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 127–138.
- Zamri, N. F., Mohamad @ Mat, M. Z., Embong, R., Zainal, B., & Abd Latif, F. (2023). *Memaknai semula ilhād berasaskan epistemologi dan retrospektif*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(3), 46–70.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.